



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS *TOPPING-OFF* PERUMAHAN
PENJAWAT AWAM MALAYSIA (PPAM)
RESIDENSI BAYU ANDAMAN**

**PPAM BAYU ANDAMAN,
BANDAR SENTUL UTAMA,
MUKIM SETAPAK, KUALA LUMPUR**

**SELASA, 13 NOVEMBER 2018
JAM 12.30 TENGAHARI**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

(*Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur*)

**Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah**

**Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham Bin Ahmad Dahlan
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Yap Suan Chee
Pengerusi Kumpulan Melati Ehsan**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,
Rakan-Rakan Media,**

**Dif - Dif Jemputan, Datuk-Datuk, Tuan -Tuan
dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.**

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku pemilik kepada Program PPAM kerana dapat turut serta dalam majlis pada hari ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dato' Yap Suan Chee dan pihak Kumpulan Melati Ehsan yang menjemput saya untuk merasmikan Majlis *Topping Off* Residensi Bayu Andaman pada hari ini. Majlis ini pastinya menjadi penanda

aras kejayaan awal dalam pembinaan Residensi Bayu Andaman di bawah Program PPAM apabila ia telah pun mencapai tahap siap *super-structure* sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Perumahan yang selesa serta mampu dimiliki adalah menjadi satu keperluan yang amat kritikal bagi semua lapisan penduduk di Malaysia ini. Harapan untuk memiliki '*bumbung tempat berteduh*' terutamanya dikalangan penjawat awam yang berkhidmat di Bandaraya Kuala Lumpur ini dan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetap diambil perhatian serius oleh Kerajaan.

5. Di samping menyediakan kediaman untuk dimiliki, Kerajaan sentiasa peka kepada keperluan penyediaan kemudahan asas yang

lebih bersesuaian dengan gaya hidup di bandar serba moden ini.

6. Saya difahamkan PPAM di tapak projek Bandar Sentul Utama yang dikenali sebagai Residensi Bayu Andaman telah dilancarkan atas inisiatif pengasas Kumpulan Melati Ehsan, Tan Sri Dato' Yap Suan Chee untuk menyediakan asas perumahan bagi penjawat awam yang semakin meruncing di pusat Bandaraya.
7. PPAM Residensi Bayu Andaman merupakan salah satu fasa dalam pembangunan Bandar Sentul Utama, Sentul, Kuala Lumpur. Residensi Bayu Andaman mengandungi 2 menara dengan jumlah 673 unit kondominium berkeluasan 1000 kaki persegi. Projek PPAM ini adalah merupakan initiatif syarikat untuk membangunkan satu projek perumahan bagi penjawat awam, di atas tanah persendirian dimiliki oleh Kumpulan Melati Ehsan. Langkah

ini wajar dicontohi lebih banyak lagi pemaju di luar sana supaya memperbanyakkan penyediaan kediaman pada harga yang mampu dibeli rakyat secara amnya.

8. Kini, pencapaian kerja pembinaan di tapak adalah amat memberangsangkan dengan tahap kemajuan melebihi tahap sasaran, iaitu 75% berbanding 65% yang disasarkan, iaitu mendahului 60 hari.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Saya juga diberi maklum bahawa PPAM Residensi Bayu Andaman ini telah mendapat sambutan yang amat tinggi dan merupakan pilihan utama dikalangan Penjawat Awam sejak dilancarkan pada tahun 2016. Ini juga adalah merupakan salah satu PPAM yang

disediakan di lokasi yang strategik di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

10. Atas keperluan ini juga, PPAM Residensi Bayu Andaman ini dibangunkan sebagai sebuah pembangunan yang seiring dengan pembangunan perumahan kontemporari. Penyediaan konsep '*Gated and Guarded*' dengan 24-jam kawalan keselamatan serta yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan riadah dan rehat untuk komuniti penduduk seperti kolam renang, gimnasium, bilik permainan, taman permainan kanak-kanak, surau, dewan serbaguna, kawasan BBQ yang bersesuaian dengan gaya hidup kontemporari. Segala kemudahan kondominium yang disediakan ini secara tidak langsung meningkatkan lagi nilai hartanah pemilik kediaman projek ini.

11. Konsep pembangunan dengan kemudahan ini adalah yang pertama dan setakat ini hanya disediakan di Residensi Bayu Andaman di bawah PPAM yang disediakan kerajaan. Ini adalah satu inisiatif yang perlu dibanggakan dan dicontohi oleh semua pihak berkaitan.
12. Saya ingin mengucapkan ‘Syabas’ juga kepada Kumpulan Syarikat Melati Ehsan yang mempercayai Residensi Bayu Andaman akan dapat meningkatkan taraf kesejahteraan pembeli dan akan menyediakan gaya hidup yang serba moden di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur.
13. Selain itu, pada keseluruhannya, kedudukan Residensi Bayu Andaman ini terletak di dalam projek Bandar Sentul Utama, Sentul. Projek ini merupakan satu cadangan projek pembangunan bercampur yang komprehensif, bersepadu dan mampan. Komponen

pembangunan projek ini meliputi blok kediaman, pusat komersial, bangunan pejabat, dan projek Program Perumahan Rakyat (PPR).

14. Di samping itu juga, untuk memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pelbagai kemudahan asas yang serba moden, pelbagai kemudahan rehat dan riadah disediakan untuk kegiatan bersukan, rekreasi, dan taman hijau. Sebuah sekolah dan sebuah masjid juga telah disediakan tapak untuk tujuan pembinaan di masa hadapan.
15. Walaupun program PPAM ini adalah dibawah seliaan KPKT, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah banyak memberikan sokongan dalam menjayakan pelaksanaannya melalui pemberian insentif dan mempercepatkan proses kelulusan yang diperlukan. Boleh

dikatakan semua insentif yang diberikan di bawah program RUMAWIP turut sama diberikan bagi program PPAM oleh DBKL.

16. Sekali lagi, tahniah kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Yap Suan Chee dan Kumpulan Melati Ehsan, serta pihak KWP, KPKT dan DBKL atas visi, initiatif dan usaha yang digembeleng secara bersama dalam menjayakan pembangunan Residensi Bayu Andaman. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pembeli Residensi Bayu Andaman.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.